

15/05/2003

Kikis salah faham ibadat (HL)

Wan Hazmir Bakar; Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail mahu umat Islam mengikis salah anggap bahawa urusan keagamaan

hanya membabitkan amalan ritual seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji saja.

Seri Paduka sebaliknya menegaskan, pemikiran sebegitu adalah salah kerana urusan membabitkan keperluan dunia juga adalah tuntutan Islam yang sebahagian besarnya, termasuk dalam bidang fardu kifayah.

Urusan lain seperti ekonomi, pembangunan, sosial dan keselamatan serta yang membabitkan keperluan dunia juga suatu perkara wajib ditunaikan oleh umat Islam, khususnya oleh pemerintah sebagai pihak yang diberi kuasa mentadbir.

Baginda bertitah, umat Islam negara ini tentunya amat bersyukur dengan nikmat Islam dan iman yang dikecapi sehingga membolehkan segala amalan dapat dilaksanakan dengan baik, dalam suasana cukup aman dan tanpa gangguan.

"Keadaan ini wujud kerana pihak kerajaan yang memikul tanggungjawab mentadbir negara dan rakyat sejak dulu lagi sudah merancang dan melaksana pelbagai program kemajuan dan pembangunan.

"Program berkenaan meliputi semua urusan dan bidang yang dikehendaki Islam, termasuk urusan fardu ain dan fardu kifayah yang disalurkan melalui jentera pentadbiran di semua peringkat," titah baginda sempena perasmian sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan di Stadium Putra, Kompleks Sukan Bukit Jalil, semalam.

Turut berangkat menghadiri sambutan bertemakan 'Bersama Hayati Keindahan Islam' itu ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid.

Hadir sama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datin Seri Endon Mahmood serta menteri, duta dan perwakilan asing yang beragama Islam.

Majlis itu turut disertai kira-kira 15,000 hadirin terdiri daripada wakil kementerian, agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi awam, badan korporat, institusi perbankan dan badan bukan kerajaan.

Tuanku Syed Sirajuddin bertitah, usaha kerajaan melaksanakan program pembangunan berkenaan sudah mencapai tahap yang membanggakan sehingga Malaysia dilihat sebagai model untuk diikuti oleh negara Islam lain.

Justeru, Seri Paduka mengajak seluruh umat Islam di negara ini terus

berusaha meningkatkan pencapaian itu supaya rakyat dan negara terus cemerlang dengan merealisasikan keindahan Islam dalam kehidupan.

"Haruslah disedari kebahagiaan dunia dan akhirat tidak datang dengan sendiri kalau umat Islam tidak mengusahakannya. Jika tidak dipecahkan ruyung, mana boleh mendapat sagunya," titah baginda.

Sementara itu, Perdana Menteri dalam buku cenderamata sempena sambutan itu berkata, umat Islam boleh maju setanding bangsa lain jika berusaha bersungguh-sungguh memperbaiki nasib diri dengan mengamalkan ajaran Islam

sebenarnya seperti dituntut al-Quran dan Sunnah Nabi.

"Islam yang dibawa Nabi Muhamad saw ini penuh dengan hidayah, dan petunjuk untuk kehidupan. Islam adalah agama sebenar kerana ia untuk semua

golongan dan sesuai sepanjang zaman," katanya.

Dr Mahathir berkata, umat Islam perlu memahami dan mengamalkan ajaran agama baik-baiknya dalam apa juga keadaan dan masa.

Melalui penghayatan Islam yang betul dan bersungguh-sungguh, umat Islam

akan lebih insaf dalam memenuhi tuntutan agama, lebih berusaha, rajin menimba ilmu, sentiasa meningkatkan ketahanan diri dan mampu mempamerkan keindahan dalam kehidupan seharian.

Perdana Menteri berkata, sambutan Maulidur Rasul mempunyai erti yang besar kepada umat Islam kerana ia bukan saja mengimbau kembali ingatan terhadap sejarah hidup Rasulullah.

Katanya, sambutan Maulidur Rasul memberi kesedaran dan keinsafan kepada

umat Islam untuk lebih berazam dalam menghayati Islam dan mengamalkan ajarannya.